

bah

Mahathir - Inflasi

MALAYSIA MASIH ADA CARA LAIN UNTUK KAWAL INFLASI, KATA PM

SHAH ALAM, 4 Sept (Bernama) -- Malaysia masih ada beberapa cara lain untuk membendung inflasi walaupun tindakan yang dilaksanakan kerajaan sekarang sudah berkesan, kata Perdana Menteri hari ini.

Tanpa menyebut cara-cara itu, beliau berkata ia belum dicuba kerana tindakan sekarang sudah berkesan dan inflasi di Malaysia tidak meningkat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sejak kebelakangan ini kerajaan menumpukan perhatian kepada inflasi, sebab-sebabnya dan cara mengawalinya.

"Nampaknya tindakan kita berkesan sebab itu inflasi tidak meningkat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1993 di Taman Pertanian Malaysia di Bukit Cahaya Seri Alam, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang berkembang sebanyak 10.4 peratus pada suku kedua 1993 dan kaitannya dengan kesan "over heating" termasuk mengakibatkan inflasi. -- lagi

▼04/09/18-19MST

CNS3356

R GB 04-09 00135 BB855

bah

Mahathir - Inflasi 2 Shah Alam

Dr Mahathir percaya dengan kerjasama rakyat, keadaan inflasi akan dapat terus dibendung yang kelak akan menguntungkan rakyat.

"Banyak orang bercakap mengenai over heating, yang bermakna bila pertumbuhan ekonomi baik ia akan menyebabkan inflasi, tetapi di masa-masa yang lewat ini kita menumpukan perhatian kepada inflasi, sebab-sebabnya dan cara kita mengawal inflasi," katanya.

Mengenai KDNK pula, Perdana Menteri berkata pertumbuhan yang begitu tinggi sebanyak 10.4 peratus itu tidak dijangkakan.

Ini kerana, katanya, pada waktu ini rakan-rakan dagangan Malaysia berada dalam keadaan yang tidak begitu baik tetapi oleh kerana permintaan untuk barangan negara masih meningkat, ia sudahpun memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau berkata apa yang penting ialah Indeks Harga Pengguna (CPI) turun kepada 3.5 peratus. -- lagi

▼04/09/18-25MST

CNS3357

R GB 04-09 00140 BB856

bah

Mahathir - Inflasi 3 (Akhir) Shah Alam

Selepas majlis pelancaran itu Dr Mahathir dan hadirin kenamaan dibawa melawat sekitar taman pertanian seluas 1,258 hektar itu dengan menaiki bas khas.

Perdana Menteri singgah melihat keunikan Taman Kaktus, satu-satunya taman seumpama itu di negara ini, yang merupakan komponen terbaru daya tarikan pengunjung ke taman pertanian ini.

Taman Kaktus yang mula dibuka kepada umum pada 31 Okt lepas mempunyai 120 spesis pokok kaktus tempatan dan luar negeri.

Selepas itu, beliau yang diiringi Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali diraikan pada jamuan tengah hari di Taman Budaya dan melawat beberapa buah rumah contoh negeri-negeri di situ.

Perdana Menteri menghabiskan masa hampir enam jam di taman pertanian yang merupakan sumbangan Malaysia kepada kemanusiaan. -- Bernama

MNY AH RON

▼04/09/18-26MST